

22/10/1997

Khazanah, Atmel rancang kilang wafer

Hizral Tazzif Hisham

KHAZANAH Holdings (Khazanah), syarikat pelaburan kerajaan dan Atmel Corporation (Atmel) dari Amerika Syarikat akan membina kilang memproses dan membuat fabrikasi wafer lapan inci berdasarkan teknologi CMOS 0.35 mikron dan 0.25 mikron.

Gabungan usaha sama itu akan mengeluarkan produk EPROM, EEPROM dan Flash, peralatan program logik EPLD dan FPGA serta litar bersepadu aplikasi khusus (Asic) dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama kemudahan pembuatan wafer di rantau Asia Tenggara.

Fabrikasi wafer adalah proses membuat litar bersepadu (IC) membentuk bahan asas komponen elektronik yang digunakan di dalam komputer, telefon bimbit, kad pintar, kelengkapan audio visual, perkakasan rumah dan permainan kanak-kanak.

Kilang pembuatan yang akan ditempatkan di Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah itu mengambil masa dua tahun untuk disiapkan dan dijangka mula beroperasi menjelang tahun 2000 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.5 bilion.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif Khazanah, Tan Sri Mohd Sheriff Kassim, berkata penubuhan kilang pembuatan wafer oleh Khazanah dan Atmel di Malaysia akan menjadikan syarikat itu sebagai satu daripada pembekal utama IC di rantau Asia Tenggara.

"Khazanah mengambil inisiatif memulakan industri fabrikasi wafer Malaysia dan berharap syarikat lain akan datang ke negara ini untuk menubuhkan kilang pembuatan wafer mereka sendiri atau secara usaha sama," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara Khazanah dan Amtel. Ia turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Pengerusi Khazanah bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Amtel diwakili Presiden merangkap Ketua Eksekutifnya, George Perlegos. Hadir sama Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Juned dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Khazanah, Tan Sri Abdul Rashid Hussain.

Beliau berkata, projek itu berupaya memenuhi keperluan tempatan dan dapat mengurangkan pergantungan keterlaluan terhadap import komponen industri elektronik.

"Selain memberi kesan positif ke atas ekonomi negara, projek ini juga akan memberi faedah strategik bagi pertumbuhan masa depan industri elektronik," katanya.

Menurutnya, projek fabrikasi wafer pertama itu berupaya mengeluarkan 7,000 unit wafer seminggu dan memberi pendapatan RM1.2 bilion (AS\$400 juta) setahun selepas beroperasi sepenuhnya.

Sebelum ini, Khazanah menandatangani perjanjian dengan MEMC Electronic Materials Inc (MEMC Electronic) dari Amerika Syarikat bagi mewujudkan projek bernilai RM625 juta (25 peratus ekuiti Khazanah) untuk menghasilkan wafer silikon 200mm iaitu komponen utama industri fabrikasi wafer.

(END)